

02 AUG 2001

Mahathir-Toleransi

TOLAK GOLONGAN TIDAK TOLERAN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu rakyat Malaysia terus memelihara toleransi kaum yang telah wujud sekian lama dan menolak kumpulan tidak toleran yang sedang berusaha untuk merampas kuasa secara kekerasan.

Katanya, sudah ada bukti bahawa terdapat kumpulan-kumpulan kecil yang menolak sikap toleran itu dan ingin menggunakan kekerasan untuk merampas semua kuasa untuk mereka.

"Kita tidak boleh bersikap toleran kepada puak yang jelas tidak toleran ini. Toleran adalah untuk mereka yang toleran sahaja.

"Mereka yang tidak toleran, yang ingin menghapuskan sikap toleran jika mereka berkuasa, tidak boleh diberi layanan yang toleran. Mereka mesti dihalang, walaupun tuduhan akan dibuat bahawa kita tidak toleran," katanya dalam ucapan bertajuk "Toleransi - Model Malaysia" di Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) di sini.

Dr Mahathir, yang tidak menamakan kumpulan itu berkata, setakat ini kegiatan mereka dapat dibendung dan dipatahkan dan pihak yang toleran di Malaysia masih menjadi majoriti dan terus berkuasa.

Perdana Menteri berharap majoriti rakyat negara ini akan terus berpegang kepada sikap toleran dan menolak segala-gala yang ekstrim dalam apa-apa kegiatan politik di Malaysia.

"Malaysia aman dan berjaya. Hanya yang pekak dan buta mata serta buta hati sahaja yang akan menolak kebenaran ini.

"Malaysia berjaya kerana majoriti rakyat berbilang kaum dan agama sedar akan nikmat keamanan dan kestabilan. Mereka sedar bahawa sikap toleran sahaja yang boleh membawa nikmat kepada mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata di Malaysia semua pihak percaya bahawa tidak mungkin semua kaum berpuas hati dengan keadaan mereka selain sedar bahawa tidak semua tuntutan mereka akan diperolehi.

Untuk tidak menidakkan hak kaum-kaum lain, setiap kaum perlu mengorbankan sedikit kepentingan mereka dan mereka dapat terus menikmati sebahagian daripada nikmat dan kekayaan negara.

"Sebaliknya jika setiap kaum menuntut semua yang dianggap oleh mereka sebagai hak mereka, perebutan akan memusnah dan menghancurkan negara. Akhirnya tiada siapa pun yang akan mendapat apa-apa bagi diri mereka.

"Falsafah majoriti rakyat Malaysia ialah mendapat sebahagian yang bermakna daripada kekayaan negara adalah lebih baik daripada mendapat semua daripada kemiskinan negara, katanya.

Perdana Menteri percaya bahawa rakyat negara ini sedar bahawa keamanan dan sikap toleran membolehkan kekayaan negara ini tumbuh dengan baik dan bahagian mereka akan bertambah sepanjang masa.

Sebaliknya, sikap tidak toleran akan hanya membawa huru hara dan jika semua bahagianpun diperolehi, ia sebenarnya tidak bermakna kerana segala-galanya sudah hancur dan tidak dapat dipulih atau dibesarkan.

Dr Mahathir berkata pilihan rakyat Malaysia ialah mengorbankan sedikit hak mereka supaya negara menjadi aman dan makmur dan bahagian mereka yang sedikit akan menjadi lebih besar dengan pertumbuhan ekonomi.

"Sebenarnya sikap toleran hanya wujud jika kepentingan diri terselamat atau ia menguntungkan diri sendiri. Mereka yang mendakwa mereka menjunjung sikap toleran kerana ia adalah sikap yang mulia dan bertamadun, adalah dakwaan munafik atau hipokrit.

"Oleh itu jangan sesiapa cuba berhidung tinggi kerana kononnya mereka

mendukung dan memperjuangkan toleransi sesama manusia. Mereka juga dalam keadaan tertentu tetap akan mengetepikan sikap toleran demi kepentingan diri mereka," tegasnya.

Menurutnya, kunci kepada formula toleransi antara kaum di negara ini ialah kesanggupan majoriti orang Melayu untuk berkongsi kuasa pemerintahan dengan kaum lain sewaktu negara mencapai kemerdekaan walaupun mereka mempunyai bilangan yang cukup untuk mendirikan kerajaan Melayu sepenuhnya ketika itu.

"Formula ini berjaya mengalahkan gerakan militan yang dipimpin oleh orang Cina, kerana majoriti orang Cina Malaysia memilih untuk menyertai pakatan antara kaum yang bersikap toleran," katanya.

Dr Mahathir berkata sejarah membuktikan bahawa penolakan terhadap kerjasama kaum dan sikap toleran, oleh sebahagian kecil orang Melayu dan Cina, tidak mendapat sokongan yang cukup untuk mendirikan kerajaan.

-- BERNAMA

AFY AU AU